

04 FEB 1998

Anwar-Indonesia

ANWAR TEMUI PRESIDEN SUHARTO ESOK

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menemui Presiden Suharto di Jakarta esok untuk berbincang mengenai keadaan ekonomi sekarang.

"...Saya cuma untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa Indonesia terutama Presiden Suharto mengenai apa yang kita laksanakan di sini dan langkah-langkah yang diambil serta mendengar pandangannya," kata beliau kepada pemberita di sini hari ini.

Anwar dijangka menemui Suharto di kediamannya pada sebelah petang.

Semasa lawatan kerja, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata beliau juga akan menemui rakan sejawatannya dari Indonesia, Mari'e Muhammad.

Ketika ditanya sama ada Indonesia mendapatkan nasihat daripada Malaysia, beliau berkata: "Tidak, kami cuma menjelaskan atas sifat sebagai jiran sebagai susulan kepada apa yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berbincang dengan Suharto dua minggu lalu."

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau juga akan menjeladskan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia berikutan krisis ekonomi yang melanda rantau berkenaan sejak pertengahan tahun lepas.

"Biasanya, kita membandingkan nota," kata Anwar selepas merasmikan Persidangan Serantau mengenai Etika dalam Kepimpinan di sini malam ini.

Anwar berkata selepas Jakarta, beliau dijadual melawat Jepun lewat bulan ini.

lawatan itu ialah yang terbaru dalam siri pertemuan di kalangan pemimpin rantau berkenaan dalam tempoh beberapa minggu lepas.

Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Suharto bulan lalu dan ikemudian berunding dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong.

Perdana Menteri dijadual berlepas ke Bangkok esok dan selepas itu ke Manila dan Singapura.

Anwar berkata menteri-menteri kewangan dari negara Asean juga akan bertemu bulan ini.

"Kami sedang berusaha menetapkan tarikhnya, (ia akan diadakan) tidak lama lagi," kata beliau.

Terdahulu, dalam ucapannya pada perasmian persidangan berkenaan, Anwar berkata kegawatan ekonomi sekarang di rantau berkenaan tidak harus dipandang dengan kesal.

Sebaliknya, negara-negara Asia harus menggunakan tempoh itu untuk menukarkan menjadi rantau lebih kuat dan juga meneruskan proses "pembelajaran."

Kita tidak harus berhenti mendengar dan menyesuaikan dan kita harus berusaha untuk memperbaiki dan menjadikan rantau itu lebih kukuh," kata beliau.

Beliau berkata negara-negara di rantau itu harus mengkaji dan menilai semula keadaan sekarang dan juga harus menimbangkan untuk meningkatkan ketelusan bagi memastikan pengurusna lebih berkesan.

"Jika semua itu dilakukan, kita akan menyaksikan kemucnulan Asia yang baru, lebih yakin dengan ekonomi lebih kuat dan etika dan moral yang mantap," kata beliau. -- BERNAMA

RAZ FAZ